



PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI SELASA: 20 OKTOBER 2009

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**
Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA 41)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO.1 HINGGA 8

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

NO: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
(BATANG SADONG)
TARIKH : 20.10.2009
NO. SOALAN : 09

PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI (BATANG SADONG) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kesedaran rakyat Malaysia berhubung Harta Intelek terhadap pentingnya kita mempertahankan keaslian produk kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah menggubal dan menguatkuasakan Akta Petunjuk Geografi 2000 pada 15 Ogos 2001 untuk melindungi petunjuk geografi yang mengenalpasti sesuatu barangan itu dihasilkan di sesuatu kawasan atau tempat tertentu dan mempunyai ciri yang tersendiri yang berkait rapat dengan tempat pengeluaran/geografinya serta dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti iklim dan tanah.

Sesuatu petunjuk geografi yang mempunyai ciri-ciri berdasarkan kepada kawasan dan mempunyai mutu dan kualiti yang tinggi akan memperolehi reputasi yang baik serta boleh menjadi terkenal di seluruh dunia. Contoh Petunjuk Geografi terkenal di dunia adalah seperti Darjeeling Tea, Champagne dan Swiss Made Watches. Petunjuk-petunjuk Geografi ini mempunyai mutu dan reputasi yang tinggi.

Apabila petunjuk geografi menjadi terkenal, pengeluar hendaklah mendaftar untuk mempertahankan petunjuk geografinya. Tuan punya petunjuk Geografi yang berdaftar mempunyai hak eksklusif untuk mengeksploitasi barangan petunjuk geografi bagi mendapat iktiraf baik di dalam negara.

Petunjuk geografi ini boleh digunapakai bagi apa-apa barangan keluaran semula jadi atau pertanian atau apa-apa keluaran kraftangan atau keluaran industri. Sebagai contoh di Malaysia, Sarawak Pepper, Sabah Tea, Tenom Coffee atau Borneo Virgin Coconut Oil.

Untuk memberi kesedaran awam, Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) telah giat menjalankan kempen kesedaran awam seperti mengadakan seminar, menyertai pameran serta memberi ceramah mengenai perlindungan petunjuk geografi. Maklumat-maklumat berkaitan perlindungan petunjuk geografi juga boleh didapati dalam laman web MyIPO di www.myipo.gov.my. Di samping itu, pihak MyIPO juga telah menemui pengeluar-pengeluar petunjuk geografi di seluruh negara untuk menerangkan faedah perlindungan petunjuk geografi dan membantu mereka untuk membuat pendaftaran petunjuk geografi tersebut. Pada masa ini, terdapat 22 permohonan petunjuk geografi yang telah diterima oleh MyIPO.

Petunjuk geografi yang telah didaftarkan di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000 adalah seperti berikut :

- a) Sarawak Pepper,
- b) Sabah Tea,
- c) Borneo Virgin Coconut Oil,
- d) Tenom Coffee,
- e) Sabah Seaweed,
- f) Bario Rice, dan
- g) Buah Limau Bali Sungai Gedung.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2009)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN (KULIM
BANDAR BARU)**

TARIKH : 20 OKTOBER 2009

SOALAN :

Baru Tuan Zulkifli Bin Noordin (Kulim Bandar Baru) minta Perdana Menteri menyatakan:

- a) adakah Kerajaan bercadang merujuk kumpulan Sisters In Islam ke Majlis Fatwa Kebangsaan, benarkah kumpulan ini didaftar di bawah SSM tetapi dibenarkan bergerak sebagai NGO dan apakah rasionalnya mereka dibenarkan; dan
- b) adakah Kerajaan bercadang melarang mereka menyalahgunakan perkataan Islam pada nama mereka sedangkan ianya didaftar tanpa label Islam.

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR DATO' DR MASHITAH BT IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di Pertua,

a) Sesungguhnya Kerajaan tidak mengambil ringan terhadap mana-mana kenyataan yang boleh menimbulkan salah faham terhadap Islam yang dikeluarkan oleh mana-mana kumpulan. Justeru itu, isu SIS telah pun dirujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan. *pada 23-25 Jun 2009 .*

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengesahkan bahawa pertubuhan ini sememangnya berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atas nama SIS Forum Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965. Walaupun begitu, Akta ini memperuntukkan bahawa sesebuah syarikat yang berdaftar di bawahnya boleh bergerak sebagai sebuah badan berdasarkan Seksyen 16, Akta Syarikat 1965 ini.

b) Bagi pertubuhan yang menyalahgunakan perkataan Islam, peruntukan undang-undang yang berkaitan di bawah seksyen 16(8) akta tersebut bagi memelihara keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban dan kemoralan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TENGGU RAZALEIGH HAMZAH

TARIKH: 20 OKTOBER 2009

SOALAN:

Y.B. Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah sebenar warga kerja yang diberhentikan oleh majikan kesan kemelesetan ekonomi dunia sejak dua tahun lalu dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu mereka untuk meneruskan kehidupan harian.

PR-1223-L34747

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dari bulan 1 Oktober 2008 hingga 19 Oktober 2009, seramai 32,877 pekerja telah diberhentikan kerja secara tetap. Sementara itu seramai 10,372 pekerja telah diberhentikan kerja secara sukarela.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah pekerja yang diberhentikan kerja adalah seperti berikut:-

- Melaksanakan program latihan semula dan penempatan (*train & place*) bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan (termasuk belia dan siswazah menganggur) untuk membolehkan mereka memperoleh kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa. Melalui program ini, Kerajaan telah memperuntukkan

RM100 juta dan setiap peserta akan diberi elaun sara diri di antara RM500 sebulan hingga RM 800 mengikut saiz keluarga. Sehingga kini (12 Oktober 2009), seramai 19,892 pekerja yang diberhentikan di mana ianya termasuk belia dan siswazah menganggur sedang menyertai Program *Train and Place*.

- Sebanyak 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja dan Penempatan Semula di seluruh negara telah ditubuhkan bagi meningkatkan *accessibility* mekanisme khidmat bantuan Kerajaan kepada rakyat. Melalui mekanisme ini, sehingga 19 Oktober 2009, seramai 19,345 pekerja-pekerja yang diberhentikan telah dibuat penempatan semula atau mendapat pekerjaan baru;
- Mewujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja peringkat Kebangsaan dan Negeri yang bertujuan untuk memantau dan membantu pekerja yang diberhentikan kerja.

SOALAN NO. (12)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

TARIKH : 20 OKTOBER 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah drastik yang Kementerian mesti lakukan dari segi akta supaya pemilik asal syarikat pemaju perumahan wajib dikenakan penjara mandatori jika gagal menyiapkan projek perumahan kerana menyebabkan pembeli rumah berhutang keliling pinggang demi kesinambungan untuk terus hidup.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] pada tahun 2007 bagi memperkukuhkan dan mempertingkatkan kawalan serta pemantauan ke atas pemajuan perumahan.

Antara pindaan-pindaan yang dibuat ialah:

- (i) Mewajibkan pemaju perumahan menghantar Laporan Kemajuan Projek 2 kali setahun (**setiap 21 Januari dan 21 Julai**) atau seberapa kerap yang ditentukan oleh Pengawal Perumahan;
- (ii) Mengenakan penalti ke atas profesional seperti arkitek dan jurutera yang memberikan perakuan

kemajuan projek yang palsu atau tidak selaras dengan kemajuan sebenar di tapak projek;

- (iii) Memberi kuasa kepada Pengawal Perumahan untuk mengarahkan mana-mana bank pembiaya atau syarikat kewangan yang berkaitan untuk membekukan Akaun Pemajuan Perumahan jika mendapati pemaju perumahan menjalankan pemajuan dalam cara yang menjejaskan kepentingan pembeli; dan

- (v) Menaikkan kadar penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta 118 sebanyak 5 kali ganda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, pemaju dan pembeli adalah terikat dengan perjanjian jual dan beli yang ditandatangani di mana jika mana-mana pemaju gagal menyiapkan projek, pembeli boleh menuntut gantirugi kelewatan serahan rumah apabila rumah disiapkan kelak selaras dengan klausa 22 (Jadual G) dan klausa 25 (Jadual H)

dalam Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan).

Dalam pada itu, KPKT juga sedang mengambil tindakan untuk meneliti dan menambahbaik Akta 118. Pandangan pelbagai pihak akan dijadikan sebagai asas kepada penambahbaikkkan yang bakal dibuat. Kajian semula Akta 118 dibuat melalui Kumpulan Kerja Pemantapan Perundangan, Penguatkuasaan dan Mekanisme Pemantauan di bawah Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang ditubuhkan pada April 2009. Pasukan Petugas khas ini adalah dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan seperti Persatuan Bank-Bank, Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Pemajuan Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Kebangsaan Pembeli Rumah (HBA), dan Lembaga Arkitek Malaysia.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG
KAWASAN : LABIS
TARIKH : 20.10.2009 (SELASA)

Y.B. TUAN CHUA TEE YONG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kadar FDI dari tahun 2004 hingga 2009 dan apakah langkah-langkah baru yang telah diambil untuk menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Malaysia.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2004 hingga Ogos 2009, jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan adalah sebanyak RM142.8 bilion daripada jumlah keseluruhan pelaburan iaitu RM247.5 bilion. Jumlah projek yang diluluskan sebanyak 5,568 buah projek dan pelaburan ini dijangka akan mewujudkan sejumlah 530,199 peluang pekerjaan.

Dari Januari hingga Ogos 2009, jumlah FDI yang diluluskan adalah sebanyak RM12.1 bilion daripada jumlah keseluruhan pelaburan sebanyak RM19.1 bilion. Jumlah projek yang diluluskan adalah sebanyak 495 buah projek dengan 38,827 pekerjaan yang diwujudkan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan kini melipatgandakan usaha untuk menarik kemasukan FDI dan memastikan FDI berkualiti terus mengalir masuk ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Kementerian ini telah memperkenalkan pendekatan berfokus ataupun "targeted approach", dengan izin, bagi menggalakkan kemasukan pelaburan dan menangani krisis ekonomi semasa. Sasaran pelaburan asing pada masa ini adalah untuk menarik syarikat-syarikat terkemuka khususnya di dalam sektor-sektor berteknologi tinggi untuk melabur di Malaysia.

Tumpuan turut diberikan kepada industri-industri berintensifkan modal dan penglibatan R&D, mesin dan komponen, industri kejuruteraan sokongan, bioteknologi dan ICT. Industri-industri yang disasarkan tersebut adalah selaras dengan strategi pembangunan industri seperti yang telah digariskan di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Kementerian juga telah mempertingkatkan lagi aktiviti promosi pelaburan pada tahun 2009 di mana sejumlah 9 misi penggalakan pelaburan telah dan akan dilaksanakan ke Eropah, China, Singapura, Australia, Amerika Syarikat, Asia Barat, Jepun, Taiwan dan India. Misi projek spesifik juga dianjurkan untuk menarik pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di negara ini.

Di samping itu, Kementerian juga mengambil peluang semasa misi penggalakan pelaburan untuk mengadakan mesyuarat dan perbincangan berasingan dengan para industrialis dan pelabur berpotensi seperti yang telah dijalankan semasa lawatan ke Emiriyah Arab Bersatu dan Jerman.

Bagi syarikat-syarikat yang berhasrat melabur di Malaysia, langkah-langkah spesifik terus dilaksanakan bagi memastikan pelaburan masuk ke Malaysia seperti:

- program handholding, dengan izin, untuk membantu para pelabur mendapatkan pelbagai kelulusan yang diperlukan bagi sesuatu projek dari peringkat mula sehingga projek tersebut selesai;
- memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan mempertingkatkan lagi kecekapan jentera Kerajaan di semua peringkat seperti mengadakan Pusat Sehenti (One Stop Centre) di peringkat negeri dan kerajaan tempatan; dan
- membantu Kerajaan memantau pelaksanaan semua projek perkilangan dan perkhidmatan di peringkat daerah melalui Unit Pelaksanaan Pelaburan Daerah.

Tuan Yang Di Pertua,

Di samping itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dan inisiatif baru untuk menggalakkan kemasukan FDI yang mana memudah dan menyediakan perkhidmatan kepada para pelabur serta meningkatkan imej Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang terpilih di Asia, seperti berikut:

- meliberalisasikan 27 subsektor di bawah sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan kesihatan dan sosial, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan perniagaan dan perkhidmatan komputer dan yang berkaitan mulai April 2009;
- melonggarkan Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) pada 30 Jun 2009 untuk memperkuatkan persekitaran perniagaan dan kawal selia bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia;

- menganjurkan promosi perdagangan di Malaysia iaitu Pameran Perdagangan Antarabangsa (INTRADE) dan Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) dengan izin di mana syarikat-syarikat dari luar dijemput untuk memasarkan produk-produk mereka di Malaysia dan sekali gus akan membina rantai perniagaan yang kondusif. Pameran ini juga menjadi platform bagi syarikat Malaysia meneroka dagangan global baru dan peluang perniagaan melalui proses Business Matching, dengan izin;
- menganjurkan beberapa Persidangan Antarabangsa pada tahun 2009 seperti World Chambers Congress 2009 dari 3 hingga 5 Jun 2009, dan Forbes Global CEO Conference 2009 dari 28 hingga 30 September 2009 yang telah memberi pendedahan kepada syarikat MNCs asing yang menghadiri persidangan tentang iklim pelaburan di Malaysia. Selain itu, ia juga merupakan landasan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi utama untuk menjalankan perniagaan di rantau ini;
- menarik perhatian CEO asing dan Industrialis terkemuka untuk melawat Malaysia dan membiasakan mereka dengan persekitaran dan potensi pelaburan yang terdapat di Malaysia;
- menggalakkan peniaga yang terdiri daripada syarikat multinasional sedia ada untuk menempatkan kemudahan pengeluaran mereka di Malaysia;
- memastikan pelaksanaan strategi projek berjalan dengan lancar;
- mewujudkan perkongsian bijak dengan penganjur persidangan antarabangsa seperti "Forbes" dan "Euromoney", dengan izin; dan

- penyertaan aktif dalam persidangan antarabangsa termasuklah “WAIPA World Investment Conference”, “OECD Forum” dan “EU Business Conference”, dengan izin.

Tuan Yang Di Pertua,

Walaupun FDI amat penting bagi pertumbuhan ekonomi negara, tumpuan Kerajaan juga adalah kepada menggalakkan pelaburan domestik dan langkah-langkah sewajarnya akan diambil untuk terus menggalakannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
[BAYAN BARU]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2009 (SELASA)

SOALAN : 28/10.

Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] meminta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan status peraturan 'Cermin Gelap' kenderaan, sama ada akan dilaksanakan atau tidak. Jika akan dilaksanakan, bila dan bagaimana.

Tuan Yang Dipertua,

Sememangnya, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melaksanakan peraturan melarang cermin gelap pada kenderaan berdasarkan kepada Seksyen 66 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah 5 Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991 dimana kadar ketelusan cahaya menerusi kaca hadapan kenderaan (*windscreen*) hendaklah sekurang-kurangnya 70%. Manakala kadar ketelusan cahaya menerusi kaca di lain-lain bahagian kenderaan hendaklah sekurang-kurangnya 50%.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT
[MAMBONG]
TARIKH : 20 OKTOBER 2009
SOALAN :

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan maklumat terkini tentang bilangan pesakit dan bilangan kematian berkaitan dengan penyakit selesema Influenza A H1N1. Bagaimanakah penyakit ini boleh merebak dengan pantas di negara kita dan kenapa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan tidak berkesan untuk mengawal jangkitan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya bagi pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk Yang Berhormat Ahli Parlimen, agensi Kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan semua ahli masyarakat di atas kerjasama, penglibatan serta komitmen yang diberikan dalam menangani dan mengawal penularan pandemik H1N1 2009 di dalam komuniti untuk mengurangkan impak sosioekonomi pandemik H1N1 kepada negara.

Untuk makluman, penularan pandemik H1N1 di peringkat global termasuk Malaysia masih lagi aktif. Pihak *World Health Organization* (WHO) melaporkan

bahawa sehingga 4 Oktober 2009, sejumlah 378,223 kes H1N1 yang disahkan melalui ujian makmal dengan 4,525 kematian telah dilaporkan di seluruh dunia yang melibatkan sebanyak 191 negara.

Di Malaysia, sehingga 14 Oktober 2009, sejumlah 11,904 kes yang disahkan melalui ujian makmal dengan 77 kematian telah dilaporkan. Untuk makluman, jumlah ini adalah hanya bagi kes-kes yang berkomplikasi yang dimasukkan ke hospital untuk rawatan. Seperti yang sedia maklum, majoriti kes pandemik H1N1 2009 hanya mengalami simptom yang ringan tanpa komplikasi dan hanya memerlukan rawatan pesakit luar sahaja. Sebagai strategik rawatan awal dan mengurangkan komplikasi, Kementerian telah mengambil pendekatan rawatan antiviral serta-merta kepada kes-kes tidak berkomplikasi serta kes-kes daripada golongan berisiko tinggi. Mereka ini diberikan rawatan antiviral pesakit luar, tanpa perlu menjalani ujian pengesahan H1N1. Daripada maklumat yang diberikan, jelas bahawa majoriti kes-kes pandemik H1N1 2009 di Malaysia telah dirawat dengan baik dan lebih 99 peratus telah sembuh daripada jangkitan H1N1.

Statistik juga menunjukkan tren penurunan kes-kes pandemik H1N1 2009 sama ada yang datang untuk mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar, dimasukkan ke hospital ataupun yang menerima rawatan di *Intensive Care Unit* (ICU). Sejak awal bulan September 2009, purata harian kes-kes H1N1 yang dirawat di hospital seluruh negara adalah di antara 30 hingga 40 kes sehari berbanding dengan situasi pandemik pada awal bulan Ogos 2009, di mana kadar kemasukan (*inpatient*) adalah di antara 300 hingga 350 kes sehari. Walaupun bilangan kes-kes yang dirawat di ICU juga menunjukkan tren penurunan, di mana pada masa ini purata 6 hingga 10 kes, tetapi nisbah kemasukan kes masih tidak berubah iaitu 20 hingga 30 peratus daripada kes-kes H1N1 yang dirawat sebagai pesakit luar. Ini adalah kerana komplikasi jangkitan paru-paru yang teruk yang

memerlukan rawatan sokongan pernafasan dan tempoh rawatan di ICU juga akan mengambil masa yang panjang iaitu di antara 2 hingga 3 minggu.

Kadar kematian kes-kes pandemik H1N1 2009 di Malaysia adalah juga seperti tren yang kelihatan di peringkat global. Di Malaysia, sejumlah 77 kematian daripada 11,904 kes, kadar kes fataliti (*Case Fatality Rate*) adalah sebanyak 0.65 peratus manakala di peringkat global dengan 378,223 kes dan melibatkan 4,525 kematian, '*Case Fatality Rate*' (CFR) adalah sebanyak 1.2 peratus. Untuk makluman, 85 peratus daripada kes-kes kematian adalah daripada kalangan mereka yang mempunyai faktor risiko. Majoriti kematian yang berkait dengan jangkitan influenza A(H1N1) di Malaysia meliputi 83 peratus adalah terdiri di kalangan mereka yang berisiko tinggi seperti obes, asthma, mengandung, penyakit kronik dan lemah daya imuniti badan.

Strategi dan aktiviti pencegahan dan kawalan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta dan semua ahli masyarakat telah berjaya mengawal kejadian Pandemik (H1N1) 2009. Dengan persiapan yang mencukupi sejak tahun 2006 melalui penyediaan pelan strategik "Pelan Kesiapsiagaan Pandemik Influenza Kebangsaan (*National Influenza Pandemic Preparedness Plan - NIPPP*), yang mempunyai 6 aktiviti yang strategik iaitu;

- i) Respons Organisasi;
- ii) Respons Kesihatan Awam;
- iii) Respons Perubatan;
- iv) Respons Makmal;
- v) Komunikasi Risiko; dan
- vi) Respons Sosial.

Pelan strategik ini telah dijalankan mengikut situasi pandemik, iaitu pada awal matlamat utama *Containment* bagi tujuan melewati kemasukan wabak ke Malaysia dan kemudian disusuli dengan strategi Mitigasi yang bertujuan memperlahankan penularan wabak dalam komuniti.

Walaupun kejadian pandemik telah menunjukkan penurunan di seluruh dunia, pihak *World Health Organization (WHO)* telah meminta supaya semua negara untuk meneruskan aktiviti surveilan bagi memantau kejadian jangkitan. Survelan ini perlu diteruskan untuk memantau mutasi virus influenza A(H1N1) serta juga kemungkinan berlakunya gelombang kedua Pandemik (H1N1) 2009 dan mengambil langkah proaktif yang responsif serta berkesan.

Seperti yang disarankan oleh WHO, Kementerian Kesihatan akan meneruskan dan memperkukuhkan aktiviti pencegahan dan kawalan Pandemik (H1N1) 2009 seperti berikut :

- (i) Rawatan antiviral kes-kes yang disyaki influenza A(H1N1) terutama golongan berisiko tinggi, di semua hospital kerajaan dan klinik kesihatan termasuk swasta;
- (ii) Pemantauan kemasukan kes influenza A(H1N1) ke Unit Rawatan Rapi (ICU), termasuk juga kematian;
- (iii) surveilan kes *Influenza-like Illness (ILI)* melalui klinik sentinel dan kluster ILI dalam komuniti;
- (iv) surveilan virus influenza;
- (v) Memperkukuhkan program kesedaran influenza A(H1N1) di dalam komuniti;

- (vi) Memastikan bekalan *stockpile* antiviral dan PPE sentiasa mencukupi;
- (vii) Vaksinasi influenza A(H1N1) untuk barisan hadapan dan kumpulan berisiko tinggi;
- (viii) Terus memperkemaskan sistem maklumat influenza A (H1N1), termasuk garis panduan dan maklumat awam melalui perkongsian maklumat dalam negara dan antarabangsa; dan
- (ix) Kenyataan akhbar harian berkaitan influenza A (H1N1) dibuat setiap hari oleh Y.B. Menteri Kesihatan dan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Maklumat ini serta lain-lain maklumat berkaitan influenza A (H1N1) dimuat naik ke laman web, <http://h1n1.moh.gov.my> untuk pengetahuan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua,

Bekalan vaksin influenza A(H1N1) yang berjumlah 400,000 dos yang dipesan oleh Kementerian Kesihatan akan mula sampai pada akhir bulan Oktober 2009, sebanyak 78,000 dos dan baki selebihnya akan dibekalkan sebelum akhir Januari 2010. Pemberian suntikan vaksin H1N1 kepada kakitangan barisan hadapan terutamanya kakitangan perubatan dan kesihatan yang terlibat secara langsung dengan pengurusan pesakit akan dilaksanakan sebaik sahaja vaksin diterima. Mengikut maklumat WHO, mulai Februari 2010 vaksin *seasonal influenza* akan mengandungi *strain* influenza.

Bagi melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang tinggi. Sejak tahun 2006, lebih dari RM 200 juta telah diperuntukkan untuk menangani kejadian pandemik influenza yang digunakan untuk pembelian ubat antiviral, peralatan perlindungan diri, vaksin

influenza bermusim, latihan dan juga pendidikan kesihatan. Pada tahun 2009, sejumlah RM36.5 juta telah dibelanjakan untuk pembelian ubat antiviral sebagai tambahan kepada *stockpile* yang sedia ada. Untuk makluman, bagi tempoh 6 bulan yang lepas sejumlah 533,000 dos yang bernilai RM28.3 juta telah digunakan untuk rawatan kes-kes H1N1 di Malaysia. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan telah mempunyai sejumlah 1.6 juta dos rawatan antiviral dalam *stockpile*.

Kementerian yakin dengan kerjasama semua pihak, langkah pencegahan dan kawalan pandemik H1N1 2009 di Malaysia akan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan seperti yang kita perhatikan pada masa ini. Kerjasama ini harus diteruskan dan diperkukuhkan lagi bukan sahaja untuk pandemik H1N1 malah untuk lain-lain penyakit berjangkit yang boleh mengancam kesejahteraan kesihatan orang awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2009

SOALAN:

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kriteria artis-artis luar negara yang dibenarkan untuk mengadakan konsert di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Setiap permohonan kemasukan artis luar negara ke Malaysia diluluskan oleh satu Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pusat Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (Jawatankuasa PUSPAL) yang bersidang setiap minggu bagi menilai semua permohonan yang diterima.

Semua permohonan berhubung konsert dan untuk membawa masuk artis luar negara perlu mematuhi kriteria berikut:

- i. Artis hendaklah berpakaian mengikut kesesuaian jenis persembahan dan bersesuaian dengan budaya masyarakat tempatan.
- ii. Artis tidak mempamerkan perlakuan yang ada unsur-unsur lucah dan melakukan perbuatan atau mengeluarkan tuturkata yang bertentangan dengan nilai-nilai serta norma masyarakat tempatan.
- iii. Kandungan/lirik lagu-lagu artis hendaklah sesuai dengan budaya masyarakat tempatan.
- iv. Lagu-lagu yang dipersembahkan hendaklah tidak mempengaruhi pemikiran rakyat tempatan dan membawa kesan negatif kepada muda-mudi.
- v. Artis tidak ditaja oleh syarikat minuman keras, jenama rokok dan perjudian.

NW: 17.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Tuan Salleh bin Kalbi [Silam]**

TARIKH : **20 Oktober 2009 (Selasa)**

SOALAN : **2/ 17 .**

Tuan Salleh bin Klabi [Silam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan dan strategi Kerajaan untuk menambahkan bilangan syarikat penerbangan yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu terutamanya syarikat penerbangan tambang murah, memandangkan menjelang 2015, keseluruhan ASEAN akan mengamalkan konsep angkasa terbuka.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Di antara tindakan dan strategi yang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Menawarkan insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan baru yang mula beroperasi ke KKIA iaitu pengecualian 100 peratus ke atas caj-caj memakir dan mendarat selama 3 tahun pertama operasinya. Syarikat-syarikat penerbangan sedia ada yang menambah kekerapan perkhidmatan di KKIA juga menerima insentif tersebut;

- (ii) Mengadakan rundingan udara dua hala dengan pihak berkuasa penerbangan luar negara secara berterusan bagi meningkatkan kapasiti dan fleksibiliti hak-hak trafik udara. Penambahan kapasiti hak-hak trafik udara dapat menarik lebih banyak syarikat penerbangan asing untuk beroperasi ke lapangan terbang negara termasuk KKIA;
- (iii) Menaiktaraf dan memodenkan KKIA dengan perbelanjaan sebanyak RM 1.5 bilion bagi meningkatkan kapasiti dan keefisienannya; dan
- (iv) Mempromosikan lapangan-lapangan terbang negara termasuk KKIA menerusi pelbagai aktiviti pemasaran yang dijalankan bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), syarikat-syarikat penerbangan negara dan lain-lain agen termasuk Sabah Tourism Promotion Corporation (STPC). Aktiviti-aktiviti ini termasuk:
 - a) Tahun Melawat Malaysia, Sesi dialog bersama syarikat-syarikat penerbangan dan
 - b) *World Route Development Forum*

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)
TARIKH : 20.10.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah pelajar-pelajar yang lemah dalam pelajaran khususnya dari Sekolah Tamil walaupun dihantar ke kelas pemulihan masih lagi tidak dapat menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip 'Pendidikan Untuk Semua' kepada semua kanak-kanak di negara ini. Oleh yang demikian, usaha ditumpukan kepada penyediaan kemudahan pendidikan yang terbaik kepada semua sekolah termasuklah sekolah-sekolah Tamil (SJKT). Murid-murid pula diberi kebebasan mengikuti pendidikan dalam aliran perdana di semua jenis sekolah pilihan mereka. Ini adalah penting bagi menjamin perkembangan murid adalah seimbang dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani serta seimbang dari segi perkembangan ilmu, kemahiran dan nilai yang diperolehi oleh murid. Hal ini juga selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang antara lain adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang seimbang.

Berhubung dengan pencapaian lemah murid-murid di SJKT, pemantauan yang dilakukan mendapati antara faktor yang menyebabkan pencapaian murid SJKT kurang memberangsangkan dalam penguasaan Bahasa Malaysia ialah:

- i. Kekерapan penggunaan Bahasa Ibunda (Bahasa Tamil) di sekolah;
- ii. Ibu bapa kurang memainkan peranan mengalakkan penggunaan Bahasa Melayu kepada anak-anak mereka sewaktu di rumah terutamanya di kawasan luar bandar;
- iii. Kurang motivasi kepada murid-murid terutamanya sokongan daripada Ibu bapa mereka;
- iv. Persekitaran pembelajaran yang kurang memberangsangkan.

Bagi mengatasi masalah ini, KPM sentiasa berusaha meningkatkan tahap penguasaan asas 3M dalam kalangan murid termasuklah dari SJKT. Di antara usaha yang dilaksanakan adalah Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M). Murid yang tidak melepasi standard yang ditetapkan akan mengikuti Kelas Pemulihan Khas. KPM juga melaksanakan Program Pemulihan Membaca, Menulis dan Mengira (PROTIM) di sekolah rendah dan Program Bimbingan Membaca, Menulis dan Mengira (PROBIM) di sekolah menengah sebagai usaha berterusan untuk mengatasi masalah ini. Penguasaan 3M akan terus dipertingkatkan melalui peluasan dan peningkatan Program Pemulihan dengan menyediakan Guru Pemulihan Khas Terlatih dan kemudahan Bilik Pemulihan Khas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' LILAH BIN YASIN
TARIKH : 20 OKTOBER 2009 (SELASA)
NO. SOALAN : NO. 19

Dato' Lilah Bin Yasin [Jempol] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-

- (a) apakah Dasar Bahasa Pengantar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia; dan
- (b) sejauh manakah Bahasa Melayu digunakan di IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahasa Kebangsaan dijadikan sebagai bahasa pengantar di semua institusi pengajian tinggi di Malaysia. Namun demikian, IPTA digalakkan untuk menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam bidang-bidang tertentu yang sebahagian besar terminologi yang digunakan hanya terdapat dalam Bahasa Inggeris.

- b) Seajar dengan dasar tersebut, aktiviti pengajaran dan pembelajaran di IPTA menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]
TARIKH : 20 OKTOBER 2009
SOALAN :

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) nisbah bilangan Ahli Farmasi berdaftar berbanding penduduk Malaysia ; dan
- (b) adakah Kerajaan sudah bersedia mewujudkan '*dispensing separation*' atau pengasingan antara klinik dan farmasi.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Nisbah bilangan ahli farmasi berdaftar berbanding penduduk Malaysia sehingga Jun 2009 adalah 1:4200. Nisbah yang disarankan oleh '*World Health Organization*' (WHO) adalah 1:2000. Nisbah ini dijangka akan dicapai menjelang tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Kerajaan belum lagi bersedia untuk melaksanakan pemisahan fungsi mendispens dan mempreskripsi sepenuhnya dalam jangka masa terdekat ini kerana masalah logistik dan strategi yang melibatkan ahli farmasi, pengamal perubatan dan orang awam. Usaha sedang giat dijalankan oleh kerajaan untuk melaksanakan pemisahan fungsi mendispens dan mempreskripsi secara berfasa.

Walau bagaimanapun, buat masa ini kesemua hospital dan klinik kesihatan kerajaan serta beberapa hospital swasta telah pun mengamalkan sistem ini di mana doktor mempreskripsikan ubat manakala pendispensan dibuat oleh ahli farmasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)

TARIKH : 20 OKTOBER 2009

SOALAN :

Minta **Perdana Menteri** menyatakan:

- a. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) seluruh negara mengikut kawasan dengan mengambil kira inflasi dan kos hidup; dan
- b. Berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk membantu kemiskinan bandar di seluruh negara.

JAWAPAN : Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) dan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES) dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap dua tahun sekali. Berikutan daripada itu PGK akan turut disemak dan dikaji semula mengikut tempoh-tempoh tertentu. Peningkatan kos sara hidup dan kadar inflasi yang diakibatkan oleh kenaikan harga

barang perlu terutamanya makanan akan diambil kira dalam penyemakan semula PGK semoga sasaran bagi memastikan pengurangan kadar kemiskinan tercapai. Bagi tahun 2009, HIS masih dilaksanakan dan analisis penemuan kajian ini akan diumumkan kelak.

(b) Siling peruntukan bagi program ini ialah berjumlah RM132 juta dan sehingga 30 September 2009, sejumlah RM110,167,200 atau 83.46% telah dibelanjakan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2009)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Puan Siti Zailah Binti Yusof (Rantau Panjang)

TARIKH : 20 Oktober 2009

SOALAN : PR-1223-L33061

Y.B. Puan Siti Zailah Binti Yusof (Rantau Panjang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pemantauan dijalankan terhadap pusat penyembelihan yang tidak mendapat sijil Halal dan nyatakan jumlah pusat penyembelihan berstatus Halal.

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' JAMIL
KHIR BAHAROM (B)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,
Sesungguhnya kerajaan khususnya JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan Pihak Berkuasa tempatan sentiasa mengadakan pemantauan kepada pusat-pusat penyembelihan dan pemprosesan.

Pemantauan dilakukan secara berkala dan aduan. Penguatkuasaan dilakukan secara bersepadu dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Veterinar dan Pihak Berkuasa Negeri.

Pemantauan dan pemeriksaan keatas pusat-pusat penyembelihan adalah bertujuan untuk memastikan pemantauan kepada hokum-hukum syarak dan piawaian yang ditetapkan.

Jumlah rumah sembelih yang mendapat sijil Halal Jakim ialah 24 buah tidak termasuk dinegeri-negeri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO
(HULU RAJANG)
TARIKH : 20.10.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kabinet memutuskan Sains dan Matematik perlu diajar di dalam Bahasa Malaysia dan bukan dalam Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pertanyaan ini telah dijawab serentak dengan pertanyaan pada **20 Oktober 2009** oleh **Y.B. Hulu Terengganu**. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tiada maklumat lain untuk dimaklumkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG
(BUKIT MERTA JAM)
TARIKH : 20.10.2009

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTA JAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama Kerajaan memberi bantuan kewangan kepada sekolah vernakular seperti SRJKC Phei Shin, SRJKC Chong Teik dan SRJKC Sin Ya yang terpaksa membina bangunan baru akibat penambahan populasi pelajar tempatan ataupun penggantian bangunan usang. Jika ada, sila nyatakan secara terperinci jumlah peruntukkan, jika tidak, nyatakan sebab.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kerajaan sama ada Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan. Dalam hal ini, KPM memberi peruntukan kepada semua jenis aliran sekolah termasuklah sekolah bantuan kerajaan tetapi tertakluk kepada kemampuan kewangan KPM sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, SJKC Phei Shin, SJKC Chong Teik dan SJKC Sin Ya adalah merupakan Sekolah Bantuan Kerajaan yang menerima peruntukan melibatkan guru dan murid seperti Emolumen dan bantuan persekolahan seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Perkapita (PCG) dan Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform.

Pada tahun 2008, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengagihkan peruntukan belanja mengurus bagi SJKC Phei Shin sebanyak RM1,043,510.00, SJKC Chong Teik sebanyak RM647,940.00 dan SJKC Sin Ya sebanyak RM3,957,410.00.

Selain itu, pada tahun 2009 Kerajaan turut membantu SJKC Phei Shin dan SJKC Sin Ya di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dengan memberi bantuan kewangan bagi membiayai sebahagian peruntukan pembinaan bangunan baru sekolah tersebut. Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kerajaan kepada kedua-dua buah sekolah terlibat sebanyak RM200,000.00 setiap sekolah.

Rjm 02

NW: 25.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bagi Jawab Lisan
DARIPADA : Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah
TARIKH : 20 Oktober 2009 (Selasa)
SOALAN : *25*

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji kedudukan rumah api di Pulau Pisang yang dikendalikan oleh rakyat negara asing. Adakah ini disebabkan ketidakupayaan Jabatan Laut untuk mengambil alih operasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, soal ketidakupayaan Jabatan Laut untuk mengambil alih operasi rumah api di Pulau Pisang tidak berbangkit. Jabatan Laut bersedia untuk mentadbirnya pada bila-bila masa sekiranya rumah api berkenaan diambil alih oleh Kerajaan Malaysia.

Mengikut fakta sejarah, Sultan Johor telah menyerahkan sebidang tanah di Pulau Pisang untuk pembinaan rumah api kepada Gabenor Negeri Selat melalui *indenture* (dengan izin) bertarikh 6 Oktober 1900. Rumah api ini kemudiannya diserahkan oleh British kepada Kerajaan Singapura untuk ditadbir selepas British berundur daripada Malaya.

Berdasarkan kepada kandungan *indenture* tersebut, Kerajaan hanya akan boleh mengambil alih rumah api tersebut sekiranya ia tidak diselenggarakan dengan baik oleh Singapura.

NO. AUM : 7

NO. AUP : 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2009

RUJUKAN : 2037

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan buku dihasilkan oleh penulis tempatan yang diharamkan penerbitannya dalam masa 10 tahun ini. Apakah sebenarnya kandungan buku "The Golden Son of Kadazan" yang telah diharamkan pada tahun 1976. Adakah penerbitan buku ini mungkin boleh diguna sebagai bahan bacaan sejarah masih diharamkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan buku yang telah dihasilkan oleh penulis tempatan yang dikenakan perintah larangan dalam tempoh 10 tahun ini adalah sebanyak 107 buah buku.

Sehubungan dengan buku bertajuk "*The Golden Son of Kadazan*" yang ditulis oleh Bernard Sta Maria yang mana telah dikenakan perintah larangan melalui warta pada 22 Jun 1978 adalah merupakan sebuah biografi mengenai Datuk Peter J. Mojuntin, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah yang terkorban dalam nahas helikopter di Kota Kinabalu, Sabah pada 6 Jun 1976.

Tuan Yang Di Pertua,

Buku tersebut telah diharamkan oleh kerana ia mengandungi perkara-perkara yang mungkin boleh memudaratkan ketenteraman dan keselamatan awam seperti berikut:

- a. Penulis mengatakan bahawa Tun Mustapha seorang fanatik Islam yang cuba menyekat perkembangan agama Kristian di Sabah dan juga membuat dakwaan bahawa paderi-paderi telah diarahkan kembali ke negeri masing-masing dan jika

engkar akan dipenjarakan. Dakwaan ini boleh menimbulkan pergeseran kaum di kalangan masyarakat Malaysia khususnya di antara penganut agama Kristian dan agama Islam.

- b. Penulis juga mendakwa pemberhentian Tun Fuad sebagai Ketua Menteri Sabah pada ketika itu adalah satu tindakan yang bertentangan dengan Perlembagaan dan tindakan ini diambil oleh Kerajaan Persekutuan dengan sewenang-wenangnya kerana terpengaruh dengan hasutan Tun Mustapha yang ketika itu adalah Yang Di-Pertua Negeri Sabah. Dakwaan ini boleh menimbulkan keresahan dan kebencian rakyat terhadap Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang Di Pertua,

Memandangkan, buku ini telah diharamkan, maka ia tidak boleh digunakan sebagai bahan bacaan sejarah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [SEKIJANG]

TARIKH : 20 OKTOBER 2009

SOALAN 24

Minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana kejayaan pelaksanaan sistem elektronik seperti *e-filing*, sistem pengurusan mahkamah (CMS), transkripsi rakaman mahkamah (CRT) dan sistem pengurusan ikut giliran (QMS) di mahkamah khususnya dalam mempercepatkan pengendalian kes sivil dan komersil.

JAWAPAN

Untuk makluman Y.B., sistem e-filing masih belum lagi dilaksanakan di mana-mana mahkamah di Malaysia walaubagaimanapun akan diperkenalkan di mahkamah dalam masa terdekat. Sistem pengurusan mahkamah (CMS), transkripsi rakaman mahkamah (CRT) dan sistem pengurusan ikut giliran (QMS) telahpun dilaksanakan dengan jayanya di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Shah. Alam. Sistem CMS membantu menguruskan kes secara lebih teratur.

Di bawah sistem QMS, peguam-peguam akan mendapatkan maklumat kedudukan kes mereka melalui paparan di atas skrin kiosk yang disediakan dan kes mereka akan dipanggil melalui sistem pesanan ringkas bagi peguam-peguam yang telah mendaftarkan nombor telefon mereka di kiosk tersebut pada hari kes ditetapkan. Peguam-peguam tidak perlu menunggu dengan lama semata-mata untuk menunggu kes mereka dipanggil.

Di bawah sistem CRT, keterangan saksi dirakam secara audio dan visual dan Hakim-Hakim tidak perlu lagi menulis nota keterangan. Ini sekaligus menjimatkan masa Mahkamah dan perbicaraan dapat dipercepatkan. Sistem ini terbukti berjaya dan akan diperkenalkan ke semua mahkamah di seluruh Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
(MACHANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.10.2009

Tuan Saifuddin Nasution Bin Ismail (Machang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan lesen-lesen perjudian baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan dalam tempoh dua belas (12) bulan lepas, namakan syarikat yang memperolehnya, dan berapakah jumlah kutipan cukai yang dikutip Kerajaan hasil lesen-lesen baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak meluluskan sebarang lesen perjudian baru dalam tempoh dua belas (12) bulan yang lepas kepada mana-mana syarikat atau individu. Oleh yang demikian, tiada kutipan cukai diperolehi oleh Kerajaan berhubung perkara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
[RANAU]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2009

SOALAN :

Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana pelaksanaan serta keberkesanan dasar 1Malaysia sehingga Oktober 2009. Adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan sistem kuota melalui pelantikan jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran mengikut kaum dan agama bagi pelaksanaan seterusnya.

JAWAPAN: Y.B. DATUK LIEW VUI KEONG

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan ke atas jawatan-jawatan penting dalam perkhidmatan Kerajaan dibuat berasaskan merit melalui penilaian ke atas kriteria tertentu iaitu kecekapan dan prestasi pegawai, kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman relevan yang dimiliki serta sifat-sifat peribadi termasuk kesesuaian kompetensi pegawai dengan jawatan yang akan disandang. Kaedah sedia ada didapati berkesan bagi menjamin pertimbangan kenaikan

pangkat dibuat secara adil, telus dan saksama tanpa mengira latar belakang kaum dan agama. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat pindaan terhadap kaedah dan prinsip tersebut.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 30

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
(MARANG)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **20.10.2009**

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah royalti yang telah diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu sejak 1995 hingga kini dan pecahan mengikut telaga-telaga yang dikira berada dalam perairan Terengganu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah royalti yang telah dibayar oleh PETRONAS terus kepada Negeri Terengganu bagi tempoh 1995 hingga Ogos 2000 adalah sebanyak **RM2.9 bilion**. Bagi tempoh September 2000 hingga Ogos 2009, jumlah royalti yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu melalui Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM16.6 bilion. Kesemua peruntukan ini dikutip dari telaga yang berada di luar perairan Terengganu.

NO. AUM : 2

NO. AUP : 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]
TARIKH : 20 OKTOBER 2009
RUJUKAN : 2036

SOALAN:

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah pemohon yang telah memohon untuk kewarganegaraan Malaysia yang masih belum diproses; dan
- (b) berapakah di antara pemohon tersebut yang lahir di Malaysia sebelum dan selepas 31 Ogos 1957.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan yang mengemukakan pertanyaan.

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang iaitu soalan nombor 11 hari ini, yang juga bertanyakan soalan berkenaan status permohonan kewarganegaraan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia yang tertunggak sehingga 30 September 2009 ialah sebanyak 39,589 permohonan. Daripada jumlah ini, 24,958 permohonan telah selesai diproses dan Kementerian masih memproses baki sebanyak 14,631 permohonan. Maklumat terperinci mengenai status terkini permohonan taraf kewarganegaraan adalah seperti berikut:

SULIT

No	Perkara	JUMLAH PERMOHONAN			Baki permohonan yang masih di dalam proses
		Tertunggak	Diluluskan	Ditolak	
1.	Perkara 15(1)	5,865	2,442	1,925	2,224
2.	Perkara 15(2)	7,436	5,253	836	32
3.	Perkara 15A	4,159	742	313	3,506
4.	Perkara 16	1,019	655	244	120
5.	Perkara 19(1)	15,904	3,499	3,843	8,749
6.	Perkara 30(1)	5,206	5,206	TIADA	TIADA

Bagi soalan (b) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Telok Intan, 120 pemohon lahir sebelum 31 Ogos 1957 dan seramai 14,511 pemohon lahir selepas 31 Ogos 1957 di mana permohonan mereka masih diproses di Kementerian ini.

Tuan Yang DiPertua,

Ingin saya jelaskan di sini bahawa, pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia adalah merupakan satu anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia dan bukan merupakan satu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana individu. Dalam hal ini, Kementerian akan cuba menyelesaikan dan mengeluarkan keputusan ke atas

SULIT

semua permohonan-permohonan yang belum dibuat keputusan. Bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa semua permohonan-permohonan itu akan diluluskan. Kementerian hanya akan menimbangkan permohonan-permohonan yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan di samping itu juga pemohon-pemohon tersebut perlu melalui pelbagai peringkat proses tapisan yang dibuat secara terperinci dalam usaha memastikan hanya orang-orang yang benar-benar layak sahaja diberikan taraf warganegara Malaysia.

NO. AUM : 11

NO. AUP : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : 20 OKTOBER 2009
RUJUKAN : 2038

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes permohonan kewarganegaraan yang tertunggak dan kategorinya serta bilangan kes yang berjaya diselesaikan setakat ini menerusi temu duga berperingkat-peringkat dan kes yang masih menunggu dan ditolak serta sebabnya.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan yang mengemukakan pertanyaan.

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang iaitu soalan nombor 11 hari ini, yang juga bertanyakan soalan berkenaan status permohonan kewarganegaraan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia yang tertunggak sehingga 30 September 2009 ialah sebanyak 39,589 permohonan. Daripada jumlah ini, 24,958 permohonan telah selesai diproses dan Kementerian masih memproses baki sebanyak 14,631 permohonan. Maklumat terperinci mengenai status terkini permohonan taraf kewarganegaraan adalah seperti berikut:

SULIT

No	Perkara	JUMLAH PERMOHONAN			Baki permohonan yang masih di dalam proses
		Tertunggak	Diluluskan	Ditolak	
1.	Perkara 15(1)	5,865	2,442	1,925	2,224
2.	Perkara 15(2)	7,436	5,253	836	32
3.	Perkara 15A	4,159	742	313	3,506
4.	Perkara 16	1,019	655	244	120
5.	Perkara 19(1)	15,904	3,499	3,843	8,749
6.	Perkara 30(1)	5,206	5,206	TIADA	TIADA

Bagi soalan (b) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Telok Intan, 120 pemohon lahir sebelum 31 Ogos 1957 dan seramai 14,511 pemohon lahir selepas 31 Ogos 1957 di mana permohonan mereka masih diproses di Kementerian ini.

Tuan Yang DiPertua,

Ingin saya jelaskan di sini bahawa, pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia adalah merupakan satu anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia dan bukan merupakan satu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana individu. Dalam hal ini, Kementerian akan cuba menyelesaikan dan mengeluarkan keputusan ke atas

SULIT

semua permohonan-permohonan yang belum dibuat keputusan. Bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa semua permohonan-permohonan itu akan diluluskan. Kementerian hanya akan menimbangkan permohonan-permohonan yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan di samping itu juga pemohon-pemohon tersebut perlu melalui pelbagai peringkat proses tapisan yang dibuat secara terperinci dalam usaha memastikan hanya orang-orang yang benar-benar layak sahaja diberikan taraf warganegara Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH : 20 OKTOBER 2009

SOALAN :

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan aduan dan laporan polis berkenaan dengan keganasan yang dilakukan oleh pegawai siasatan SPRM yang dibuat oleh orang yang disiasat dalam 5 tahun yang lepas. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini dan memperbaiki imej SPRM.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2005 hingga 30 September 2009, pihak PDRM telah membuka sejumlah 58 kertas siasatan di seluruh negara melibatkan dakwaan penggunaan kekerasan oleh pegawai-pegawai BPR/SPRM ke atas orang yang disiasat. Setakat ini, tiada rekod menunjukkan terdapat pegawai BPR/SPRM telah didakwa di mahkamah atau dikenakan sebarang tindakan tatatertib berikutan siasatan yang dijalankan.

Kebelakangan ini, terdapat trend apabila seseorang yang ditangkap atau disiasat oleh SPRM membuat laporan polis menyatakan mereka didera atau dipaksa untuk membuat pengakuan kepada SPRM selepas mereka dibebaskan atau selesai diambil keterangan. Tindakan mereka ini dibuat semata-mata bertujuan untuk mengelakkan pengakuan mereka dijadikan sebagai keterangan di mahkamah kelak. Ia juga mungkin bertujuan untuk meraih simpati serta memberi gambaran kepada masyarakat bahawa SPRM adalah agensi penguatkuasaan yang kejam.

Bagi mengelakkan dakwaan-dakwaan sedemikian berlanjutan, SPRM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a) Mewujudkan bilik temu duga dan rakaman pernyataan yang khusus dilengkapi dengan keperluan logistik seperti kelengkapan CCTV dan kemudahan komputer bagi proses rakaman percakapan di setiap pejabat SPRM.

- b) Mengadakan kursus / latihan yang komprehensif bagi membentuk kemahiran dan pengalaman pegawai SPRM dalam pengendalian teknik temu duga atau *investigative interviewing*. Kemahiran dan pengalaman tersebut membolehkan pegawai mendapatkan kerjasama, kebenaran dan pengakuan daripada saksi dan suspek melalui kaedah psikologi tanpa membabitkan sebarang unsur kekerasan atau penderaan.

- c) Mewujudkan garis panduan seperti Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya berhubung pelaksanaan teknik temu duga atau *investigative interviewing*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **20.10.2009**

**Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani) minta MENTERI
KEWANGAN menyatakan:**

- (a) berapakah jumlah Pinjaman Dalam Negeri (Domestic Borrowing) oleh Kerajaan sehingga September 2009; dan
- (b) berapakah jumlah Pinjaman Luar Negara oleh Kerajaan sehingga September 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2009, jumlah terkumpul Pinjaman Dalam Negeri bagi Kerajaan adalah sebanyak RM340.41 bilion atau 49% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Manakala, jumlah Pinjaman Luar Negara pula adalah sebanyak RM13.86 bilion atau 2.1% daripada KDNK.

2. Pinjaman Luar Negara kekal rendah berikutan ketiadaan Pinjaman Luar Negara yang baru kecuali terimaan daripada pinjaman projek sedia ada. Kerajaan Persekutuan juga mengekalkan amalan untuk mendapatkan keperluan pembiayaan dari sumber dalam negeri kerana kecairan pasaran domestik yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah. Tahun 2009 adalah merupakan tahun keenam berturut-turut Kerajaan Persekutuan tidak meminjam daripada pasaran luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Melalui strategi pengurusan hutang Kerajaan yang berhemat serta sistem pemantauan yang komprehensif, Kerajaan yakin tahap hutang Kerajaan Persekutuan akan kekal terurus dan mampan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

**TARIKH : 20 OKT 2009
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :

(a) kenapa VAMTAC dipilih sebagai pengganti G-WAGON, bukan AV4 buatan Malaysia; dan

(b) senarai perbezaan antara VAMTAC dan AV4 dari segi harga perolehan, kos penyelenggaraan dan prestasi keupayaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perolehan kenderaan *High Mobility Tactical Vehicle* (HMTVC) 4x4 VAMTAC bukannya sebagai pengganti kepada kenderaan G-WAGON yang ada dalam perkhidmatan tetapi ianya sebagai memenuhi pengisian perjawatan Kenderaan Pembawa Senjata (KPS) Batalion Infantri Standard (BIS). Kenderaan VAMTAC dipilih kerana kenderaan ini telah diuji nilai oleh Tentera Darat Malaysia (TDM) pada tahun 2007 dan mendapati ianya memenuhi spesifikasi dan sesuai untuk digunakan sebagai KPS.

Tuan Yang di-Pertua,

Kenderaan AV4 4x4 yang direkabentuk dan dibangunkan oleh Syarikat DRB-HICOM Defence Technologies Sdn. Bhd. (DEFTECH) adalah kenderaan versi *armor plated*. Kenderaan ini tidak menepati fungsi sebagai kenderaan BIS untuk *weapon platform*.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

**TARIKH : 20 OKT 2009
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan status operasi kenderaan PINZGAUER, DURO dan G-WAGON TDM serta dasar perolehan kenderaan sokongan TDM:

- (a) senaraikan bilangan, kos perolehan, penyelenggaraan dan fungsi yang dipikul oleh kenderaan model berkenaan yang masih beroperasi; dan**
- (b) apakah dasar dan polisi perolehan kenderaan sokongan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semua kenderaan jenis PINZGAUER, DURO dan G-Wagon masih beroperasi di dalam Tentera Darat Malaysia (TDM). Bilangan, kos perolehan dan fungsi yang dipikul oleh kenderaan berkenaan adalah:

a. **Trak 2 Ton Pinzgauer 6x6 Gun Tower.**

- (1) Bilangan - 164 buah
- (2) Kos Perolehan - RM52.8 Juta
- (3) Fungsi - Kenderaan penarik meriam 105mm

b. **Trak 2 Ton DURO *High Mobility Troop Transporter* (HMTT).**

- (1) Bilangan - 54 buah
- (2) Kos Perolehan - RM30.1 Juta
- (3) Fungsi - Kenderaan pembawa trup Batalion Infantri Standard (BIS)

c. Trak 2 Ton DURO *High Mobility Command Vehicle (HMCV).*

- (1) Bilangan - 3 buah**
- (2) Kos Perolehan - RM3.9 juta**
- (3) Fungsi - Kenderaan pemerintah BIS**

d. Trak 1 Ton 4x4 G-Wagon *mounted with Heavy Machine Gun (HMG) 12.7mm weapon Carrier.*

- (1) Bilangan - 32 buah**
- (2) Kos Perolehan - RM10.8 juta (Tahun 2001)**
- (3) Fungsi - Kenderaan pembawa Senjata HMG 12.7 mm BIS**

e. Trak 1 Ton 4x4 G-Wagon *mounted with Automatic Grenade Launcher (AGL) 40 mm weapon Carrier.*

- (1) Bilangan - 34 buah**
- (2) Kos Perolehan - RM11.5 juta**
- (3) Fungsi - Kenderaan Pembawa AGL 40 mm BIS**

f. Trak 1 Ton 4x4 G-Wagon mounted with Anti-Tank Guided Missiles (ATGM).

- | | | |
|--------------------------|----------|---------------------------------------------|
| (1) Bilangan | - | 18 buah |
| (2) Kos Perolehan | - | RM6.1 juta |
| (3) Fungsi | - | Kenderaan Pembawa
Misil ATGM BIS |

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar dan polisi perolehan kenderaan sokongan diperolehi berdasarkan kepada:

- (1) Keperluan operasi, latihan dan penugasan kenderaan tersebut sama ada dalam negara mahupun luar negara.**
- (2) Spesifikasi kenderaan yang memenuhi keperluan utama penggunaan dan *tactical environment*.**
- (3) Teknologi terkini yang dapat mempertingkatkan keupayaan mobiliti dan keselesaan pengguna.**
- (4) Nilai kos perolehan yang seimbang dengan spesifikasi dan teknologi kenderaan.**

NO. AUM : 31

NO. AUP : 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
[KAPAR]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2009

RUJUKAN : 2042

SOALAN:

**Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) adakah Waythmoorty bebas untuk pulang ke tanah air tanpa sebarang syarat dan apakah status paspot beliau; dan

(b) nyatakan jumlah Pasport Antarabangsa Malaysia yang telah disekat oleh Kerajaan Malaysia sejak tahun 2000 sehingga kini dengan sebab-sebab penyekatan atau pembatalan dilakukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Kapar, yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan masih mengekalkan status aktif pasport En. Wathamoorthy di mana pergerakan serta Pasport Antarabangsa Malaysia (PMA) beliau tidak pernah disekat atau disenarai hitamkan. Beliau sendiri dengan rela hati telah menyerahkan pasportnya kepada pihak kedutaan Malaysia di London pada 25 November 2009 melalui peguam Imran Khan & Partners dan sehingga kini ia masih kekal di dalam simpanan pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia (STM). Dalam perkara ini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang halangan untuk beliau pulang ke Malaysia. Bagi maksud tersebut, beliau hanya perlu mendapatkan semula pasportnya daripada pihak STM di London bagi tujuan pulang ke Malaysia.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, Pasport Malaysia adalah suatu dokumen perjalanan yang sah yang dikeluarkan kepada warganegara Malaysia bagi maksud perjalanan keluar negara. Pasport Malaysia adalah hak milik Kerajaan Malaysia dan boleh ditarik balik pada bila-bila masa jika terbukti pemegang telah mendapatkan Pasport serta menggunakannya dengan

cara yang bercanggahan dengan Akta Pasport. Oleh yang demikian JIM sentiasa memantau dan menguatkuasakan perundangan di bawah Akta Pasport 1963 bagi kesalahan-kesalahan imigresen dan juga kesalahan jenayah yang dilakukan oleh warganegara Malaysia semasa berada di luar negara. Di antara kesalahan yang boleh menyebabkan pasport di tahan oleh pihak JIM adalah seperti berikut:

- (i) Melakukan jenayah berat di luar dan dalam negara; atau
- (ii) Ditangkap kerana melakukan kesalahan berkaitan dadah; atau
- (iii) Tidak mempunyai Cap Khas daripada Jabatan Imigresen Malaysia untuk pergi atau pulang dari Baitul Maqdis; atau
- (iv) Tinggal lebih masa di luar negara tanpa mendapatkan kebenaran negara tersebut; atau
- (v) Bekerja tanpa permit, menyalahgunakan pas atau memalsukan dokumen semasa di luar negara.

Jika disabitkan dengan kesalahan maka **JIM sebagai agensi penguat kuasa akan menahan pasport tersebut dan surat penahanan pasport akan dikeluarkan kepada pemegang bagi memaklumkan kesalahan dan tempoh penangguhan dokumen perjalanan tersebut.** Tempoh penangguhan dikira bermula daripada seseorang dibebaskan daripada hukuman mahkamah, tarikh kes dirujuk kepada JIM, tarikh pasportnya

diterima oleh JIM atau yang mana satu terdahulu. Dalam hubungan ini, jumlah pasport antarabangsa Malaysia yang ditahan sejak tahun 2000 hingga 2009 adalah sebanyak 13,028.

Di dalam situasi sedemikian pemegang pasport boleh mengemukakan rayuan penangguhan penahanan pasport kepada Ketua Pengarah Imigresen bagi pertimbangan penamatan tempoh tersebut. Akan tetapi jika permohonan rayuan tersebut ditolak maka pemohon boleh mengemukakan rayuan kedua kepada Menteri Dalam Negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM

TARIKH : 20 OKTOBER 2009

SOALAN :

Y.B. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan garis panduan dan prosedur tetap yang perlu diikuti oleh SPRM semasa menjalankan siasatan:-

- a) apakah had masa dan waktu untuk menjalankan soal siasat dan adakah peguam dibenarkan bersama OKS; dan
- b) apakah perbezaan layanan di antara saksi dan suspek.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan Kanun Prosedur Jenayah tidak memperuntukkan sebarang had masa dan waktu untuk SPRM dalam menjalankan sesuatu siasatan. Malah tidak terdapat peruntukan dalam undang-undang tersebut yang menetapkan kuasa memeriksa dan merakam percakapan saksi dihadkan pada waktu pejabat sahaja. Walau bagaimanapun, memandangkan isu mengenai kuasa SPRM tersebut masih menjadi pertikaian di Mahkamah Tinggi Shah Alam, maka adalah lebih wajar sekiranya isu ini tidak dibincangkan atau dibahaskan di Dewan Yang Mulia ini kerana ia boleh membawa kepada *subjudice*.

Hak untuk berunding dengan peguam bela diperuntukkan oleh undang-undang bagi orang yang ditangkap. Namun, hak orang yang ditangkap untuk berunding dengan peguam boleh ditangguhkan berdasarkan kepentingan ataupun keperluan siasatan kes sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 28A (8) (a) atau 8 (b) Kanun Prosedur Jenayah serta setelah mendapat kebenaran pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Timbalan Penguasa Polis. Sebaliknya bagi orang yang tidak ditangkap, hak berunding dengan peguam semasa pemeriksaan ke atasnya dijalankan, tidak dinyatakan dalam mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada.

Dari segi layanan, orang yang telah ditangkap atas sesuatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, hendaklah disampaikan padanya suatu notis bertulis yang hendaklah diterangkan kepadanya mengikut peruntukan Seksyen 53 (3) Akta SPRM 2009. Mereka ini perlu diiringi dan dikawal sepanjang masa oleh Pegawai SPRM. Selain daripada itu, orang yang ditangkap boleh ditahan dalam kurungan apabila penyiasatan tidak dapat dihabiskan dalam tempoh 24 jam dan peruntukan Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah hendaklah dipakai.

Manakala itu, saksi yang membantu dalam siasatan atau suspek yang tidak ditangkap yang mana pernyataan mereka di ambil mengikut peruntukan Seksyen 30 Akta SPRM 2009, mereka tidak perlu dikawal dan pergerakan mereka tidak perlu diiringi oleh pegawai SPRM.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 20 OKTOBER 2009

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah hasil dari perhimpunan iklim di Bangsa-bangsa Bersatu pada September 2009. Apakah resolusi yang utama dan implikasi ke atas Malaysia serta langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mencapai tahap 'carbon neutral'.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sidang Kemuncak Perubahan Iklim yang diadakan di New York pada 22 September 2009 adalah bertujuan untuk mendapatkan momentum politik (*political momentum*) supaya satu persetujuan dapat dicapai untuk Persidangan Ke-15 Peserta-Peserta (*Conference of Parties – COP*) Kepada Konvensyen Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Framework Convention on Climate Change - UNFCCC COP 15*) yang akan diadakan pada bulan Disember 2009 di Copenhagen, Denmark.

Resolusi daripada Sidang Kemuncak tersebut adalah seperti berikut:

- i. Untuk mencapai satu persetujuan yang komprehensif di mesyuarat COP 15 dan memastikan negara yang terdedah kepada bencana akibat perubahan iklim dan negara-negara miskin dapat dibantu untuk penyesuaian (*adapt*) kepada impak negatif perubahan iklim;
- ii. Pengurangan pelepasan gas-gas rumah kaca (*Greenhouse gases- GHG*) yang “ambitious” perlu diambil oleh negara-negara perindustrian;
- iii. Tindakan mitigasi yang bersesuaian di peringkat nasional (*Nationally Appropriate Mitigation Action*) hendaklah diambil oleh negara-negara membangun dengan bantuan dan sokongan kewangan dan teknologi; dan

iv. Meningkatkan penyediaan sumber kewangan dan teknologi.

Secara amnya, Sidang Kemuncak Perubahan Iklim tersebut hanya merupakan isyarat politik manakala persetujuan sebenar hendaklah dirundingkan di dalam UNFCCC COP 15 di Copenhagen nanti. Resolusi sidang tersebut memang mempunyai implikasi terhadap Malaysia memandangkan Malaysia telah pun dan akan terus mengambil tindakan yang bersesuaian untuk mengurangkan pelepasan GHG.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemanasan global berpunca daripada konsentrasi GHG di atmosfera akibat aktiviti seperti pembakaran bahan api fosil (*fossil fuels*) secara berlebihan.

Menyedari kesan buruk pembebasan karbon, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan pelepasan GHG. Amatlah sukar untuk mencapai tahap '*carbon neutral*' kerana kita tidak dapat menghentikan pembakaran minyak fosil. Negara maju juga menghadapi masalah dalam mengurangkan pelepasan GHG mereka. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi mengurangkan pelepasan GHG seperti berikut:

- i. melaksanakan pengurusan hutan secara lestari supaya hutan negara di samping melindungi kepelbagaian biologi juga berperanan sebagai penyerap gas-gas karbon dioksida (carbon sink);
- ii. mengurangkan penggantungan kepada minyak dan arang batu melalui penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui

(renewable energy);

- iii. mempromosikan penggunaan tenaga secara efisien di dalam sektor perumahan dan bangunan pejabat, industri dan pengangkutan;
- iv. menyediakan rangkaian pengangkutan awam yang cekap dan bersepadu; dan
- v. melaksanakan program kesedaran awam dengan sekolah-sekolah, badan-badan bukan kerajaan dan industri untuk mempromosikan penggunaan tenaga secara efisien, kitar semula dan juga dalam penggunaan pengangkutan awam.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 21

NO. AUP : 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]

TARIKH : 20 OKTOBER 2009

RUJUKAN : 2040

SOALAN:

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membaik pulih nama baik pasukan polis dan SPRM, memandangkan 'image' mereka di mata rakyat dan komuniti antarabangsa buat masa kini di tahap yang kurang baik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Merbok yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Kenyataan Ahli Yang Berhormat yang imej PDRM berada pada tahap yang kurang baik pada masa ini adalah tidak benar. Walau bagaimanapun saya tidak menafikan ada segelintir anggota yang terlibat dengan salahlaku semasa bertugas dan ini tidak mencerminkan keadaan imej PDRM secara keseluruhannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, PDRM mempunyai imej yang baik di peringkat antarabangsa. Ini terbukti dengan penglibatan PDRM di dalam operasi pengaman di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Selain itu banyak negara yang telah menjalinkan kerjasama dengan PDRM dalam bidang bina upaya dan perkongsian maklumat dan kepakaran. Sebagai contoh Australia dan negara-negara ASEAN. Ini bermakna negara luar telah memandangi tinggi dan mengiktiraf keupayaan PDRM sehingga Malaysia dipilih sebagai tuan rumah kepada Sekretariat Tetap ASEANAPOL.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif secara berterusan bagi meningkatkan imej serta prestasi PDRM. Usaha-usaha ini dilaksanakan menerusi program peningkatan integriti anggota, latihan dan penerapan nilai-nilai murni di kalangan anggota bagi memantapkan lagi prestasi dan imej PDRM.

SOALAN NO: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 20 OKTOBER 2009
RUJUKAN : 2041

SOALAN:

TUAN NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan nama, nombor kad pengenalan dan alamat semua anggota polis yang masuk ke dalam Dewan Undangan Negeri Perak pada 7/5/2009 dan nama-nama mereka yang mengheret keluar secara paksa Speaker V. Sivakumar daripada Dewan Undangan Negeri Perak pada hari tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian ingin menegaskan sekali lagi bahawa tindakan pihak polis masuk ke dalam Dewan Undangan Negeri Perak adalah sah dan dibuat mengikut lunas undang-undang. Permintaan supaya pihak polis masuk ke dalam Dewan untuk membantu mententeramkan keadaan adalah dibuat oleh YB Speaker Dewan yang baru yang mana selaras dengan peruntukan Perintah 89 dan 90 Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Perak Darul Ridzuan. Oleh yang demikian, tidak wujud sebarang keperluan bagi Kementerian untuk mengemukakan nama, nombor kad pengenalan dan lain-lain maklumat sepertimana yang diminta oleh Yang Berhormat Beruas.